NEGERI KEDAH DARUL AMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 55
No. 2

**19hb Januari 2012**

*TAMBAHAN*
*No. 1*

**No. 77.**

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
(ACT 171)

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 7(1)

NOTIFICATION UNDER SUBSECTION 7(1)

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 7(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengenakan peruntukan Akta dan Undang-undang Kecil yang sedang diguna pakai di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim kepada kawasan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama berkuat kuasa mulai 1 April 1995.

2. Pemberitahuan *Warta* No. 302 yang telah diterbitkan pada 8 Jun 1995 dimansuhkan.

In exercise of the powers conferred by subsection 7(1) of the Local Government Act 1976 [*Act 171*] the State Authority applies the provisions of the Act and the by-laws applicable to the area of Local Authority of Kulim Hi-Tech Industrial Park to the area specified in the First Schedule with effect from 1 April 1995

2. *Gazette* Notification No. 302 published on 8 June 1995 is revoked.

JADUAL PERTAMA

Kawasan seperti ditunjukkan dengan garisan tepi warna kelabu dan dipetakan di atas peta No. PW 1299 yang disediakan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Kedah/Perlis, yang ditarikhkan dan diperakui sebagai pelan yang benar dan betul mengenai kawasan itu oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Kedah/Perlis dan yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Kedah/Perlis, bersekali dengan dokumen yang menunjukkan koordinat yang digunakan dalam menyediakan pelan itu. Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindstrian Hi-Tech Kulim sebagaimana yang ditunjukkan di dalam pelan tersebut hendaklah menjadi keterangan muktamad mengenai kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim.

Bertarikh 7 Disember 2011

Dated 7 December 2011
[PSU(K) 798/1412 Jld. 6 SK. 1]

HAJI MOHD. YUSRI BIN MD. DAUD
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kedah/*
*Secretary*
*State Executive Council Kedah*

**No. 78.**

ENAKMEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
TAMAN PERINDUSTRIAN HI-TECH KULIM (PENGESAHAN) 2009

LOCAL AUTHORITY OF KULIM HI-TECH INDUSTRIAL PARK
(VALIDATION) ENACTMENT 2009

PENETAPAN TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO OPERATION

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 1(2) Enakmen Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim (Pengesahan) 2009, Pihak Berkuasa Negeri menetapkan 1 Februari 2012 sebagai tarikh Enakmen itu mula berkuat kuasa.

In exercise of the powers conferred by subsection 1(2) of the Local Authority of Kulim Hi-Tech Industrial Park (Validation) Enactment 2009, the State Authority appoints 1 February 2012 as the date on which the Enactment comes into operation.

Bertarikh 7 Disember 2011

Dated 7 December 2011
[PSU(K) 798/1412 Jld. 6 SK. 4]

HAJI MOHD. YUSRI BIN HAJI MD. DAUD
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kedah/*
*Secretary State Executive Council Kedah*

**Hakcipta Pencetak** (H)
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA